

**Kerajaan Tidak Kompromi Tindakan Gugat Keupayaan Pelabuhan Negara
Bernama
08 Mei, 2012**

KUALA LUMPUR, 8 Mei (Bernama) -- Kerajaan tidak akan berkompromi dengan tindakan mana-mana pihak yang boleh menggugat keupayaan pelabuhan negara untuk beroperasi dengan lancar tanpa sebarang gangguan atau halangan.

Kerajaan juga akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang didapati cuba menggugat kelancaran operasi mana-mana pelabuhan, termasuk individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung.

Justeru, kerajaan memandang berat protes pemandu syarikat hauliers selama tiga hari mulai 2 Mei lepas bagi membantah tindakan pengusaha menaikkan caj pintu depot berdekatan Northport, Pelabuhan Klang yang menjejaskan aliran kargo import dan eksport.

"Kerajaan difahamkan, protes berkenaan juga berkaitan rasa tidak puas hati oleh pemandu syarikat hauliers terhadap mutu perkhidmatan yang diberikan oleh pengusaha depot," kata Menteri Pengangkutan Datuk Seri Kong Cho Ha dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mustapa Mohamed dalam kenyataan bersama.

Mereka berkata Majlis Ekonomi Negara, yang membincangkan protes itu semalam, memutuskan tindakan tersebut menggugat kesejahteraan dan kestabilan ekonomi negara memandangkan pelabuhan adalah salah satu aset strategik negara.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=664655>